

## Kemahiran Insaniah Mahasiswa: Kajian Terhadap Penglibatan dalam Aktiviti Kesukarelawanan

### Soft Skills of Students: A Study on Involvement in Volunteer Activities

Nurul Aini Shofiah Shamsul Kamal & Khairulghufrun Kaspin

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Perak, Malaysia.

Corresponding author email: [nurulainishofiah@gmail.com](mailto:nurulainishofiah@gmail.com)

#### ARTICLE HISTORY

Received: 12th December 2025

Revised: 02nd February 2026

Accepted: 05th March 2026

Published: 07th April 2026

#### KATA KUNCI

Aktiviti  
Kesukarelawanan  
Kemahiran Insaniah  
Mahasiswa  
Penglibatan

#### KEYWORDS

Activity  
Volunteerism  
Soft Skills  
Students  
Involvement

**Abstrak** - Kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa memainkan peranan penting dalam membentuk kemahiran insaniah yang diperlukan dalam kehidupan dan kerjaya. Aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi juga menjadi medium bagi mahasiswa untuk mengembangkan kemahiran sosial, kepimpinan dan komunikasi. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor yang mendorong penglibatan mahasiswa UPSI dalam aktiviti kesukarelawanan serta kesannya terhadap pembangunan kemahiran insaniah mereka. Menerusi pendekatan kuantitatif, satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian yang melibatkan 212 orang mahasiswa dari Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK), UPSI. Data yang dikumpulkan dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang mendorong mahasiswa untuk menyertai aktiviti kesukarelawanan ialah keinginan meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi, dengan min tertinggi 4.61 dan sisihan piawai 0.821. Sementara itu, kategori isu kesukarelawanan yang paling mendapat perhatian dalam kalangan mahasiswa ialah pemeliharaan alam sekitar yang mencatatkan min 4.34 dan sisihan piawai 1.105. Selain itu, impak paling ketara daripada penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan ialah peningkatan kemahiran komunikasi dengan masyarakat dari latar belakang yang berbeza dengan min 4.31 dan sisihan piawai 1.234. Dapatan ini membuktikan bahawa kesukarelawanan berperanan besar dalam memperkukuhkan kemahiran sosial dan interpersonal mahasiswa. Oleh itu, bagi memastikan keberkesanan aktiviti kesukarelawanan dalam membentuk kemahiran insaniah secara berterusan, semua pihak termasuk institusi pengajian tinggi, badan bukan kerajaan (NGO) serta masyarakat perlu berganding bahu dalam memperkasakan lagi program kesukarelawanan di kalangan mahasiswa.

**Abstract** - Student volunteerism plays a crucial role in shaping the soft skills needed for both personal and professional life. Volunteer activities not only benefit the community but also serve as a platform for students to develop social, leadership and communication skills. Therefore, the objective of this study is to identify the factors that drive UPSI students' involvement in volunteer activities and their impact on soft skill development. Using a quantitative approach, a survey questionnaire was employed as the primary research instrument, involving 212 students from the Faculty of Human Sciences (FSK), UPSI. The

*collected data were analyzed using the Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) software. The findings indicate that the main motivation for students to participate in volunteer activities is their desire to improve social and communication skills, with the highest mean score of 4.61 and a standard deviation of 0.821. Meanwhile, the most prominent volunteer-related issue among students is environmental conservation, which recorded a mean score of 4.34 and a standard deviation of 1.105. Additionally, the most significant impact of engaging in volunteer activities is the enhancement of communication skills with people from diverse backgrounds, with a mean score of 4.31 and a standard deviation of 1.234. These findings demonstrate that volunteerism plays a crucial role in strengthening students' social and interpersonal skills. To ensure the continuous effectiveness of volunteer activities in shaping students' soft skills, higher education institutions, non-governmental organizations (NGOs), and society as a whole must collaborate to further enhance student volunteer programs.*

## PENGENALAN

Kesukarelawan dilihat telah menjadi satu topik perbahasan global di mana ia memberi kepentingan terhadap individu, masyarakat dan juga negara (Solihah et al., 2022). Kesukarelawan dapat didefinisikan sebagai perbuatan melaksanakan sesuatu aktiviti yang bertujuan bagi membantu individu atau kumpulan tertentu tanpa unsur paksaan daripada mana-mana pihak, tidak melibatkan sebarang bentuk bayaran atau ganjaran material, dilakukan secara Individu atau kolektif serta dilakukan secara formal atau tidak formal (Normah et al. 2018). Peranan kesukarelawan terhadap perkembangan individu bukan sahaja dapat dilihat dari aspek pembangunan personal malah juga kepada sosial, kemahiran, kerjaya dan juga akademik.

Menurut Mohamed (2008), terdapat tiga kategori utama yang mendorong individu untuk melibatkan diri dalam bidang kesukarelawan iaitu faktor dorongan keperluan (*needs*), sebab-sebab atau tujuan tertentu yang jelas dan juga kerana dorongan faedah-faedah (*benefits*) yang diperoleh daripada aktiviti kesukarelawan itu sendiri. Selaras dengan visi 2020 yang melihat hasrat kerajaan bagi mewujudkan masyarakat Malaysia yang saintifik dan progresif, Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah telah diperkenalkan oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPT) pada tahun 2006 kepada mahasiswa yang merangkumi tujuh elemen iaitu kemahiran berkomunikasi, pemikiran kritis dan penyelesaian masalah, kemahiran kerja berpasukan, pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat, kemahiran keusahawanan, etika dan moral profesional dan juga kemahiran kepimpinan (Kementerian Pengajian Tinggi, 2006).

Secara keseluruhan, aktiviti kesukarelawan memberikan pelbagai manfaat kepada mahasiswa termasuk peningkatan kemahiran insaniah yang penting untuk perkembangan peribadi dan profesional. Melalui kesukarelawan, mahasiswa dapat mengasah kemahiran komunikasi, kerjasama dan kepimpinan yang semuanya penting untuk kejayaan dalam kehidupan dan kerjaya mereka. Oleh itu, jelas dapat dilihat bahawa kesukarelawan boleh menjadi alat yang efektif dalam mempersiapkan mahasiswa untuk menghadapi cabaran sebenar dengan lebih yakin dan kompeten.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Isu pengangguran graduan di Malaysia menjadi fokus utama kerana implikasinya terhadap kestabilan ekonomi negara dan kesejahteraan rakyat di mana wujudnya jurang antara keperluan kemahiran yang diperlukan oleh pasaran kerja dengan kemahiran yang dimiliki oleh graduan. Tahap penguasaan terhadap kemahiran insaniah yang rendah dalam sebilangan besar graduan universiti tempatan di Malaysia telah menyumbang kepada berlakunya pengangguran di pasaran kerja yang dilihat semakin kompetitif dari semasa ke semasa (Fairuzza et al., 2011). Kebanyakan industri pada hari ini bukan sahaja menekankan penguasaan kemahiran teknikal semata-mata tetapi juga memerlukan graduan menguasai kemahiran insaniah. Hal ini disebabkan kemahiran insaniah merupakan asas penting yang perlu dikuasai oleh graduan agar lebih berdaya saing dalam pasaran pekerjaan semasa (Maria, 2024).

Penguasaan kepada kemahiran insaniah memungkinkan graduan untuk beradaptasi dengan cepat dalam persekitaran kerja yang dinamik dan kompleks. Sebagai contoh, aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kemahiran komunikasi apabila sukarelawan perlu berinteraksi dengan pelbagai lapisan masyarakat sekaligus menyesuaikan gaya komunikasi mereka agar lebih jelas, sopan dan berkesan mengikut situasi serta audiens. Selain itu, penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan juga dapat memperkukuhkan kemahiran kerja berpasukan. Kebanyakan aktiviti sukarelawan dilaksanakan secara berkumpulan dan memerlukan kerjasama untuk merancang serta melaksanakan tugas. Menurut Mohd Hasril et al. (2016), kerjasama yang telah berjaya dipupuk antara rakan sepasukan di dalam kemahiran ini yang membolehkan mereka menyesuaikan diri antara satu sama lain dengan tempoh masa yang singkat. Selain itu, kemahiran insaniah turut memainkan peranan penting dalam pembangunan peribadi dan profesional. Oleh itu, kemahiran insaniah tidak hanya melengkapi kemahiran teknikal tetapi juga memperkasa graduan untuk menjadi individu yang lebih berdaya saing dan relevan dalam pasaran kerja global.

Berdasarkan permasalahan tersebut, penting untuk memberikan penekanan yang tinggi terhadap pembangunan kemahiran insaniah dalam pendidikan tinggi di negara ini. Kemahiran insaniah seperti kemahiran komunikasi, kepimpinan, kerjasama, inisiatif dan kemahiran interpersonal memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kebolehpasaran graduan dan kesesuaian mereka dengan pasaran pekerjaan. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dilihat sebagai salah satu platform yang berkesan dalam memperkukuh kemahiran insaniah kerana aktiviti ini melibatkan interaksi sosial dan pengalaman secara langsung kepada situasi sebenar. Justeru, kajian ini dilaksanakan adalah bagi menghuraikan elemen-elemen yang telah disenaraikan dalam kemahiran insaniah serta melihat faktor-faktor penglibatan mahasiswa yang cenderung menyertai aktiviti kesukarelawanan yang terdapat di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).

## **SOROTAN LITERATUR**

### **Mahasiswa dan penglibatan dalam aktiviti kesukarelawanan**

Dalam sebuah kajian yang dijalankan oleh Fauziah et al. (2015), telah mendapati bahawa majoriti mahasiswa pernah melibatkan diri dengan kerja-kerja kesukarelawanan. Antara faktor yang dikemukakan dalam kajian adalah disebabkan keinginan mahasiswa untuk membantu masyarakat dan ingin mencari pengalaman baru. Penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dilihat menjadi petanda yang baik ke arah pembentukan pemikiran yang positif dan pembangunan personaliti yang mantap dalam kalangan mahasiswa.

Selain itu, kajian Solihah Yahya et al. (2022) menjelaskan bahawa konsep kesukarelawanan bukan hanya bersikap lokaliti dan setempat tetapi ianya juga bersifat global yang merentasi sempadan negara, kaum, budaya, agama dan masyarakat. Kajian ini mengkaji mengenai prinsip umum dari dapatan kajian bagi mengenalpasti gambaran jelas tentang faktor-faktor penglibatan para belia kepada aktiviti kesukarelawanan, impak penglibatan belia terhadap penglibatan mereka di dalam aktiviti kesukarelawanan dan juga manfaat yang boleh diperolehi terhadap pembangunan negara di Malaysia.

Sementara itu, Siti Raba'ah et al. (2014) menjelaskan mengenai sikap dan pandangan belia terhadap aktiviti sukarela di mana sukarelawan belia di Malaysia menunjukkan tahap kepercayaan yang tinggi terhadap program-program sukarela. Ini menunjukkan mereka yakin bahawa aktiviti sukarela yang dianjurkan dapat membawa impak positif kepada masyarakat. Motivasi untuk terlibat dalam aktiviti sukarela adalah tinggi. Faktor-faktor seperti keinginan untuk membantu sesama, menimba pengalaman baru, dan memperbaiki kemahiran diri mendorong belia untuk terus aktif dalam sukarela. Niat atau kesungguhan untuk terus terlibat dalam aktiviti sukarela juga tinggi. Ini bermakna ramai sukarelawan belia mempunyai komitmen jangka panjang untuk menyumbang kepada masyarakat melalui program-program sukarela.

### **Aktiviti kesukarelawanan dan isu-isu pendorong**

Kajian oleh Shahrom et al. (2015) meneliti penerimaan mahasiswa Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) terhadap aktiviti pemeliharaan alam sekitar yang dijalankan secara sukarela, serta kesediaan mereka untuk menyertai aktiviti sukarelawan alam sekitar (ekorelawan) pada masa akan datang. Kajian ini merangkumi beberapa aspek penting, termasuklah pengetahuan mahasiswa mengenai apa yang dimaksudkan dengan aktiviti sukarelawan, pandangan mahasiswa mengenai kepentingan sukarelawan

dalam usaha pemeliharaan alam sekitar dan keinginan dan kesediaan mahasiswa untuk terlibat dalam aktiviti sukarelawan yang berkaitan dengan alam sekitar.

Selanjutnya, kajian oleh Syed Lamsah et al. (2021) membincangkan peranan masyarakat dalam kehidupan kanak-kanak di rumah kebajikan dan kelestarian rumah kebajikan. Kegagalan memberikan peluang pendidikan yang sama rata kepada kanak-kanak di rumah kebajikan seperti kanak-kanak yang tinggal bersama keluarga boleh menyebabkan kemiskinan berterusan antara generasi, yang bertentangan dengan konsep kesejahteraan bermasyarakat. Berdasarkan isu dan masalah yang dibangkitkan, kajian ini bertujuan untuk meninjau status pengoperasian rumah kebajikan kanak-kanak berkediaman yang dikendalikan oleh badan persendirian atau swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) di negeri Selangor.

Selain itu, kajian oleh Rosmah & Noremy (2021) memberi fokus kepada cabaran yang dihadapi oleh sukarelawan dalam penjagaan kesihatan. Dengan meneroka isu-isu yang dihadapi oleh sukarelawan kesihatan di Malaysia semasa menjalankan misi bantuan, kajian ini bertujuan untuk menyokong mereka serta mengembangkan peranan dan rancangan untuk meningkatkan kesediaan mereka di lapangan. Sukarelawan kesihatan sering dianggap sebagai tulang belakang dalam pelaksanaan bantuan kemanusiaan, terutama bagi agensi kerajaan dan Badan Bukan Kerajaan (NGO).

### **Aktiviti kesukarelawanan mengasah kemahiran insaniah**

Antara penyelidik yang membuat kajian mengenai impak penglibatan kesukarelawanan terhadap kemahiran insaniah adalah Mohamad Basri et al. (2021) dalam keberkesanan pendidikan kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke arah memperkasakan nilai-nilai insaniah. Hasil kajian mendapati melalui pendidikan dan aktiviti kesukarelawanan dapat meningkatkan kemahiran insaniah dalam diri mahasiswa seperti kemahiran berkomunikasi, kemahiran membina hubungan dan kemahiran kerja berpasukan. Pengkaji juga menambah bahawa kecemerlangan akademik dan modal insan dapat dicapai melalui keseimbangan nilai-nilai murni yang dibentuk dalam diri setiap mahasiswa.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Norsela et al. (2021) bertajuk Hubungan Antara Kemahiran Generik Dengan Aktiviti Sukarelawan Dalam Kalangan Pelajar menekankan bahawa penglibatan dalam aktiviti sukarelawan mampu memberi nilai tambah kepada pelajar serta membawa impak positif terhadap masa depan mereka. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh mana kemahiran generik boleh dipupuk melalui penglibatan dalam aktiviti sukarelawan di kalangan pelajar. Fokus utama kajian adalah kepada tiga elemen kemahiran generik iaitu kemahiran berkomunikasi, kemahiran kerja berpasukan, kemahiran membina hubungan.

Dalam kajian selanjutnya, Hasnuddin et al. (2018) menyatakan bahawa pentingnya kemahiran sosial sebagai salah satu aspek dalam kecerdasan emosi yang diperlukan untuk kecemerlangan remaja. Kajian ini menyatakan bahawa kecerdasan intelek sahaja tidak mencukupi untuk memastikan remaja membesar dengan cemerlang. Untuk mencapai kecemerlangan, remaja perlu memiliki kecekapan dalam kemahiran sosial, yang membantunya berinteraksi dan berhubung dengan persekitaran. Pengkaji telah menyenaraikan impak-impak aktiviti kesukarelawan terhadap kemahiran sosial mahasiswa, yang merangkumi kemahiran komunikasi, kemahiran membina hubungan, kemahiran kolaborasi dan kemahiran kerja berpasukan.

### **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif umum kajian ini ialah untuk mengenal pasti impak penglibatan mahasiswa UPSI setelah menyertai aktiviti kesukarelawanan. Secara khusus, kajian yang dijalankan ini adalah bertujuan untuk:

1. Mengkaji faktor-faktor penglibatan mahasiswa dalam menjalankan kerja kesukarelawanan.
2. Menenalpasti isu-isu yang cenderung dilaksanakan oleh mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan.
3. Menganalisis impak terhadap kemahiran insaniah mahasiswa setelah menyertai aktiviti kesukarelawanan.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini merangkumi tatacara pelaksanaan kajian bagi memastikan objektif yang digariskan dapat dicapai dengan berkesan. Pengkaji memilih kaedah kuantitatif sebagai pendekatan utama dengan teknik pengumpulan data menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Pendekatan ini membolehkan pengkaji menghuraikan dan mengukur fenomena secara terperinci melalui skala pengukuran yang telah ditetapkan. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan perisian SPSS di mana hasil kajian akan dipersembahkan dalam bentuk min, sisihan piawai, dan peratusan untuk mendapatkan gambaran yang lebih jelas mengenai dapatan kajian.

### Populasi dan Sampel Kajian

Dalam kajian ini, penentuan saiz sampel dibuat berdasarkan Jadual Krejcie & Morgan (1970). Seramai 212 orang mahasiswa UPSI daripada pelbagai latar belakang etnik telah dipilih sebagai responden. Kajian ini menyasarkan mahasiswa semester 5, 6 dan 7 dari pelbagai aliran di Fakulti Sains Kemanusiaan (FSK). Responden dikehendaki menjawab soal selidik yang diedarkan dalam bentuk Google Form. Jadual 1 menunjukkan jumlah responden mengikut etnik yang terlibat dalam kajian ini.

**Jadual 1:** Responden kajian mengikut etnik

Etnik	Kekerapan	Peratus (%)
Melayu	150	70.8
Cina	1	0.5
India	3	1.4
Bumiputera Sabah	42	19.8
Bumiputera Sarawak	15	7.1
Lain-lain	1	0.5
Jumlah	212	100

**Sumber:** Data Lapangan 2024

### Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah set soal selidik. Terdapat tiga bahagian dalam borang soal selidik yang diedarkan kepada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris. Bahagian A adalah merujuk kepada bahagian mengenai latar belakang responden kajian manakala bahagian B merupakan penilaian sendiri bagi mengenalpasti faktor-faktor penglibatan mahasiswa dalam menjalankan kerja sukarelawan. Bahagian C pula adalah bagi melihat sejauh manakah tahap penguasaan mahasiswa terhadap kemahiran insaniah manakala bahagian D pula adalah bagi mengenalpasti bagaimana kesukarelawan memberi impak terhadap peningkatan kemahiran insaniah mahasiswa. Borang soal selidik ini akan menggunakan skala pengukuran Likert lima item iaitu skala 1 (Sangat tidak setuju), skala 2 (Tidak setuju), skala 3 (kurang setuju), skala 4 (Setuju) dan skala 5 (sangat setuju). Perkara ini adalah bertujuan untuk mengukur pendapat mahasiswa berkenaan impak penglibatan kesukarelawan terhadap kemahiran insaniah.

### Kaedah Analisis Data

Bagi menganalisis data yang telah diperolehi, pengkaji menggunakan Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) di mana data akan dianalisis dalam bentuk jadual. Penggunaan jadual adalah lebih sesuai untuk memaparkan peratusan, min dan sisihan piawai daripada data yang diperolehi sebelum pengkaji menerangkan hasil kajian berdasarkan data-data yang telah dianalisis tersebut dalam bentuk deskriptif. Analisis deskriptif digunakan bagi melihat data secara statistik melibatkan nilai peratusan, min dan sisihan piawai dari data.

## DAPATAN KAJIAN

### Bahagian A: Latar Belakang Responden Kajian

Responden kajian yang terlibat dalam kajian ini terdiri daripada 212 orang mahasiswa UPSI. Profil responden adalah seperti dalam Jadual 2.

**Jadual 2: Latar Belakang Responden Kajian**

Item	Perincian Item	Kekerapan	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	101	47.6
	Perempuan	111	52.4
Etnik	Melayu	150	70.8
	Cina	1	0.5
	India	3	1.4
	Bumiputera Sabah	42	19.8
	Bumiputera Sarawak	15	7.1
	Lain-lain	1	0.5
Semester	5	64	30.2
	6	70	33.0
	7	78	36.8
program	AT32 Sejarah	31	14.6
	AT33 Geografi	35	16.5
	AT35 Pendidikan Islam	33	15.6
	AT41 Pendidikan Moral	34	16.0
	AT58 Pengajian Malaysia	44	20.8
	AT36 Tahfiz Al-Quran dan Qiraat	35	16.5

**Sumber:** Data Kajian Lapangan 2024

Berdasarkan Jadual, analisis menunjukkan bahawa responden kajian terdiri daripada perempuan iaitu seramai 111 orang (52.4%) manakala responden lelaki pula adalah seramai 101 orang (47.6%). Jumlah ini menunjukkan bahawa terdapat sedikit perbezaan dari segi taburan jantina di mana responden perempuan mewakili peratusan yang lebih tinggi berbanding lelaki. Taburan responden mengikut etnik mendapati bahawa majoriti responden adalah daripada etnik Melayu dengan bilangan sebanyak 150 orang (70.8%). Responden daripada etnik Bumiputera Sabah merupakan kumpulan kedua terbesar dengan bilangan 42 orang (19.8%), diikuti oleh etnik Bumiputera Sarawak seramai 15 orang (7.1%). Sementara itu, responden daripada etnik India adalah seramai 3 orang (1.4%) manakala etnik Cina dan lain-lain masing-masing mencatatkan 1 orang (0.5%). Analisis semester responden mendapati sebahagian besar responden adalah daripada semester 7 iaitu seramai 78 orang (36.8%). Responden daripada semester 6 pula adalah seramai 70 orang (33.0%) manakala semester 5 mencatatkan bilangan responden seramai 64 orang (30.2%). Responden adalah terdiri daripada mahasiswa Universiti Pendidikan Sultan Idris dan dipecahkan kepada 9 buah program dari Fakulti Sains Kemanusiaan. Bagi analisis program responden, responden dengan bilangan tertinggi adalah dari program AT58 Pengajian Malaysia dengan seramai 44 orang (20.8%). Program AT33 Geografi dan AT36 Tahfiz Al-Quran dan Qiraat masing-masing mencatatkan bilangan responden yang sama iaitu 35 orang (16.5%). Program AT41 Pendidikan Moral mencatatkan seramai 34 orang (16%) diikuti oleh AT35 Pendidikan Islam dengan bilangan 33 orang (15.6%) dan program AT32 Sejarah dengan seramai 31 orang (14.6%).

Data yang dikumpul dianalisis secara deskriptif (kekerapan, peratusan, min dan sisihan piawai). Interpretasi statistik deskriptif seperti dalam Jadual 3 di bawah.

**Jadual 3: Tafsiran skala min**

Skor Min	Interprestasi Skor Min
1.00 hingga 2.33	Rendah
2.34 hingga 3.66	Sederhana
3.67 hingga 5.00	Tinggi

**Sumber:** Landell (1977)

### Bahagian B: Faktor yang mempengaruhi penglibatan kesukarelawanan

Jadual 4 menunjukkan skor min bagi faktor yang mempengaruhi penglibatan kesukarelawanan. Berdasarkan analisis, item yang mencatatkan nilai min tertinggi adalah "Saya menyertai aktiviti sukarelawan bagi meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi saya" dengan catatan skor (Min=4.61, SP=0.821). Item yang mencatatkan nilai min terendah adalah "Saya sertai aktiviti kesukarelawanan kerana ingin mendapatkan insentif dan ganjaran" dengan catatan skor (Min=2.33, SP=1.308).

**Jadual 4:** Faktor yang mempengaruhi penglibatan kesukarelawan

Bil.	Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Intepretasi
1	Saya menyertai aktiviti sukarelawan bagi meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi saya.	4.61	.821	Tinggi
2	Saya sertai kesukarelawan bagi membina kemahiran kepimpinan.	4.08	.808	Tinggi
3	Saya menyertai aktiviti kesukarelawan bagi meningkatkan kemahiran membuat keputusan.	4.07	.809	Tinggi
4	Saya menyertai kesukarelawan kerana saya ingin mencari rakan-rakan yang mempunyai minat sama.	3.99	1.019	Tinggi
5	Saya menyertai aktiviti kesukarelawan kerana saya ingin bina hubungan baik dengan rakan.	3.80	1.036	Tinggi
6	Saya menyertai aktiviti kesukarelawan kerana ajakan rakan saya.	3.24	1.307	Sederhana
7	Saya sertai aktiviti kesukarelawan kerana ingin mendapatkan insentif dan ganjaran	2.33	1.308	Rendah
8	Penglibatan saya dalam aktiviti kesukarelawan adalah untuk meningkatkan prospek masa depan kerjaya.	4.14	.933	Tinggi
9	Saya menyertai aktiviti kesukarelawan bagi mendapatkan pujian masyarakat.	2.82	1.288	Sederhana

Sumber: Data Kajian Lapangan 2024

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden lebih terdorong untuk menjalankan kerja-kerja kesukarelawan bagi meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi mereka sementara ganjaran material dan pujian tidak menjadi fokus utama.

### Bahagian C: Isu-Isu Kesukarelawan Yang Cenderung Dilaksanakan Oleh Mahasiswa

Jadual 5 menunjukkan isu-isu kesukarelawan yang cenderung dilaksanakan oleh mahasiswa. Berdasarkan analisis dapatan, item dengan skor min tertinggi adalah "Saya berminat terlibat dalam aktiviti kesukarelawan pemeliharaan alam sekitar" dengan catatan skor (Min=4.34, SP=1.105). Item yang mencatat min terendah adalah "Saya terlibat dalam program kesukarelawan penyediaan bantuan perubatan bencana" yang mencatatkan skor (Min=3.45, SP=1.209).

**Jadual 5:** Isu-isu kesukarelawan yang cenderung dilaksanakan oleh mahasiswa

Bil.	Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Intepretasi
1	Saya berminat terlibat dalam aktiviti kesukarelawan pemeliharaan alam sekitar.	4.34	1.105	Tinggi
2	Saya terlibat dalam aktiviti yang mendidik masyarakat tentang pentingnya kelestarian alam.	3.90	.870	Tinggi
3	Saya berminat menjadi sukarelawan dalam kempen kitar semula.	4.01	.846	Tinggi
4	Saya terlibat dalam aktiviti kesukarelawan membantu golongan kurang bernasib baik.	3.87	1.066	Tinggi
5	Saya terlibat dalam aktiviti kesukarelawan membantu anak-anak yatim.	3.90	1.016	Tinggi
6	Saya terlibat dalam kesukarelawan untuk membantu kanak-kanak dari pendapatan rendah.	3.74	1.065	Tinggi
7	Saya terlibat dalam program kesukarelawan penyediaan bantuan perubatan bencana.	3.45	1.209	Sederhana
8	Saya terlibat dalam aktiviti kesukarelawan bagi kesedaran gaya hidup sihat.	3.75	1.131	Tinggi
9	Saya terlibat dalam kesukarelawan untuk meningkatkan kesedaran tentang kesihatan mental.	3.78	1.063	Tinggi

Sumber: Data Kajian Lapangan 2024

Secara keseluruhannya, analisis dapatan kajian ini menunjukkan bahawa minat dan penglibatan dalam kesukarelawanan adalah lebih tinggi untuk aktiviti yang melibatkan isu kesukarelawananan alam sekitar berbanding dengan aktiviti yang memerlukan kemahiran atau tanggungjawab khusus seperti bantuan perubatan.

#### Bahagian D: Impak Kemahiran Insaniah Mahasiswa Setelah Menyertai Aktiviti Kesukarelawanan

Jadual 6 menunjukkan impak kemahiran insaniah mahasiswa setelah menyertai aktiviti kesukarelawananan Item dengan min tertinggi adalah "Saya dapat belajar cara berkomunikasi dengan masyarakat daripada latar belakang yang berbeza" dengan catatan (Min=4.31, SP=1.234). Item dengan min terendah adalah "Saya lebih berdisiplin dalam mengimbangi tanggungjawab akademik dan aktiviti kesukarelawananan" dengan catatan (Min=3.68, SP=1.110).

**Jadual 6:** Impak Kemahiran Insaniah Mahasiswa Setelah Menyertai Aktiviti Kesukarelawananan

Bil	Soalan	Skor Min	Sisihan Piawai	Tahap Intepretasi
1	Saya dapat belajar cara berkomunikasi dengan masyarakat daripada latar belakang yang berbeza	4.31	1.234	Tinggi
2	Saya kini lebih yakin untuk bercakap di hadapan orang ramai hasil daripada pengalaman kesukarelawananan.	3.96	.796	Tinggi
3	Aktiviti kesukarelawananan meningkatkan kemahiran komunikasi interpersonal saya.	3.99	.961	Tinggi
4	Saya dapat mengembangkan kemahiran membuat keputusan dalam situasi yang mencabar.	3.92	1.085	Tinggi
5	Saya dapat meningkatkan kebolehan menganalisis situasi dan mencari alternatif penyelesaian.	3.83	1.054	Tinggi
6	Saya dapat belajar cara berfikir secara kritis.	3.80	1.039	Tinggi
7	Saya belajar untuk menyusun keutamaan tugas saya dengan lebih baik melalui pengalaman kesukarelawananan.	3.83	1.090	Tinggi
8	Penglibatan dalam aktiviti kesukarelawananan membantu saya dalam menguruskan masa dengan berkesan.	3.70	1.076	Tinggi
9	Saya lebih berdisiplin dalam mengimbangi tanggungjawab akademik dan aktiviti kesukarelawananan.	3.68	1.110	Tinggi

**Sumber:** Data Kajian Lapangan 2024

Kesimpulannya, dapatan menunjukkan bahawa penglibatan mahasiswa dalam menjalankan kerja-kerja kesukarelawananan memberikan impak positif terhadap kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya pada aspek komunikasi. Namun, peningkatan disiplin memerlukan perhatian lebih lanjut untuk diperkukuhkan.

#### PERBINCANGAN

Kajian mengenai impak penglibatan kesukarelawananan terhadap kemahiran insaniah mahasiswa penting untuk menilai bagaimana kerja-kerja kesukarelawananan dapat menyumbang kepada pembentukan kemahiran sosial, komunikasi dan kepimpinan dalam kalangan mahasiswa. Justeru itu, kajian ini dilaksanakan bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawananan, isu-isu kesukarelawananan yang cenderung dilaksanakan serta impak penglibatan ini terhadap kemahiran insaniah mereka.

Berdasarkan dapatan kajian, objektif pertama menunjukkan faktor utama yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawananan ialah untuk meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi dengan skor min tertinggi iaitu 4.61 dan sisihan piawai sebanyak 0.821. Bagi objektif kedua, dapatan menunjukkan mahasiswa cenderung menyertai aktiviti pemeliharaan alam sekitar yang memperoleh skor min tertinggi iaitu 4.34 dengan sisihan piawai sebanyak 1.105. Seterusnya, dapatan kajian bagi objektif ketiga menunjukkan bahawa penglibatan dalam kesukarelawananan berkesan dalam meningkatkan kemahiran insaniah mahasiswa di mana kemampuan untuk berkomunikasi dengan

masyarakat daripada latar belakang yang berbeza yang mencatatkan skor min sebanyak 4.31 dan sisihan piawai sebanyak 1.234.

Faktor yang mendorong penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan ialah untuk meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi selaras dengan kajian oleh Siti Nathrah & Fuziah (2020) yang menekankan bahawa kemahiran bukan sahaja melibatkan aspek teknikal tetapi juga merangkumi kebolehan memberikan pertolongan secara efektif. Hal ini berkait rapat dengan kepentingan kemahiran sosial dan komunikasi dalam kalangan mahasiswa. Penglibatan dalam kerja sukarela menyediakan peluang untuk mahasiswa mengasah keupayaan berkomunikasi dengan pelbagai pihak dan juga kemahiran sosial seperti menyelesaikan masalah secara kreatif dan beradaptasi dalam situasi mencabar. Kajian oleh Intan et al. (2022) pula menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan meningkatkan kemahiran komunikasi silang budaya dan interpersonal. Mahasiswa yang terlibat dengan kerja kesukarelawanan lebih cenderung memahami perspektif yang berbeza, meningkatkan empati dan membina hubungan yang lebih baik dengan komuniti.

Seterusnya, isu aktiviti kesukarelawanan yang paling cenderung disertai oleh mahasiswa adalah aktiviti pemeliharaan alam sekitar, yang menunjukkan kesedaran tinggi terhadap kepentingan menjaga keseimbangan ekosistem dan kelestarian alam. Aktiviti pemeliharaan alam sekitar sering menjadi pilihan utama dalam kalangan mahasiswa kerana ia memberikan impak langsung kepada alam sekitar dan komuniti setempat. Shahrom et al. (2015) menyokong pernyataan ini, di mana mereka mendapati mahasiswa Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) menunjukkan tahap keprihatinan yang tinggi terhadap penjagaan alam sekitar dengan sebahagian besar menyatakan kesanggupan untuk menyertai aktiviti sukarela berkaitan alam sekitar tanpa mengharapkan ganjaran. Hal ini demikian kerana mahasiswa cenderung memahami bahawa kelestarian alam sekitar memberikan manfaat jangka panjang bukan sahaja kepada komuniti setempat tetapi juga kepada generasi akan datang.

Di samping itu, impak penglibatan kesukarelawanan terhadap kemahiran komunikasi mahasiswa dengan masyarakat pelbagai latar belakang telah menunjukkan peningkatan ketara. Menurut Intan et al. (2022), aktiviti kesukarelawanan seperti khidmat komuniti dapat mahasiswa memahami perspektif masyarakat berbeza, meningkatkan empati, dan membina hubungan erat dengan komuniti. Penglibatan dalam kesukarelawanan juga memperbaiki kemahiran komunikasi silang budaya, keupayaan menyampaikan idea, serta pemahaman terhadap keperluan masyarakat.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa aktiviti kesukarelawanan memberi impak positif terhadap pelbagai aspek kemahiran insaniah mahasiswa, terutamanya dalam komunikasi silang budaya dan interpersonal. Walau bagaimanapun, cabaran dalam mengimbangi tanggungjawab akademik dan kesukarelawanan perlu diberi perhatian untuk memastikan mahasiswa dapat memanfaatkan sepenuhnya manfaat kesukarelawanan tanpa menjejaskan prestasi akademik mereka.

## **KESIMPULAN**

Dalam bab ini, pengkaji telah membincangkan mengenai dapatan utama kajian yang merangkumi faktor-faktor penglibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan, isu-isu yang cenderung dilaksanakan oleh mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dan impak penglibatan tersebut terhadap kemahiran insaniah mahasiswa. Berdasarkan kajian ini, pengkaji mendapati bahawa faktor utama yang mendorong mahasiswa untuk terlibat dalam kesukarelawanan adalah bagi meningkatkan kemahiran sosial dan komunikasi mereka. Pengkaji juga telah mengenal pasti isu-isu yang cenderung dilaksanakan oleh mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan adalah pemeliharaan alam sekitar. Selain itu, kajian ini juga mendapati penglibatan dalam kesukarelawanan memberi impak terhadap kemahiran insaniah mahasiswa terutamanya dari aspek kemahiran komunikasi. Kesimpulannya, aktiviti kesukarelawanan bukan sahaja memberi manfaat kepada komuniti tetapi turut mempersiapkan mahasiswa dengan kemahiran yang penting untuk kehidupan masa depan. Oleh itu, diharapkan kajian ini dapat memberi panduan kepada pihak universiti dalam merancang dan melaksanakan program kesukarelawanan yang lebih berkesan di samping menjadi rujukan berguna kepada penyelidik dan pembaca yang berminat dengan bidang ini.

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini adalah merupakan sebahagian dari penulisan Projek Tahun Akhir yang telah disusun semula untuk menjadi sebuah makalah akademik. Penulis merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan

terima kasih kepada semua pihak yang telah memberikan sokongan dan kerjasama sepanjang pelaksanaan kajian ini, sama ada secara langsung mahupun tidak langsung. Segala bantuan dan kemudahan yang diberikan telah menyumbang secara signifikan terhadap kejayaan penyelidikan ini.

### KONFLIK KEPENTINGAN

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

### SUMBANGAN PENULIS

**Nurul Aini Shofiah Shamsul Kamal:** Konseptualisasi, Metodologi, Perisian, Kurasi Data, Penulisan – Draf Asal, Visualisasi, Penyiasatan.

**Khairul Ghufran Kaspin :** Konseptualisasi, Metodologi, Kurasi Data, Penyeliaan, Perisian, Pengesahan, Penulisan – Semakan dan Penyuntingan.

### KETERSEDIAAN DATA DAN BAHAN

Data kajian boleh diperolehi daripada penulis atas permintaan yang munasabah.

### DEKLARASI GENERATIF AI

Penulis mengisytiharkan bahawa tiada generatif AI digunakan dalam penulisan manuskrip ini.

### PERNYATAAN ETIKA

Tidak berkenaan

### RUJUKAN

- Fairuzza Hairi, Mohamad Nazuir Ahmad Toe & C. Wahid Bin Razzaly. (2011). Employers' perception on soft skills of graduates: A study of Intel elite soft skill training. *International Conference on Teaching & Learning in Higher Education*, 8(3).
- Fauziah Ibrahim, Aizan Sofia Amin & Tharshini A/P Sivabalan. (2015). Penglibatan dan motivasi kesukarelawanan: Ke arah memupuk semangat kesukarelawanan dalam kalangan mahasiswa. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 10, 84–96.
- Hasnuddin Ab Rahman, Hailrudin Jaafar & Badrun Nisah Mohamed Nasiruddin. (2018). Keterlibatan mahasiswa dalam aktiviti kesukarelawanan dan hubungannya dengan kemahiran sosial. *Proceeding of International Conference on Information Technology & Society*.
- Intan Suria Hamzah, Siti Aisyah Mohamad Zin, Mohamad Basri Jamal, Muhammad Ridhwan Sarifin, Latun Azizah Kamarudin. (2022). Peranan aktiviti sukarela dalam memupuk kemahiran insaniah mahasiswa. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 14, 67-80.
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2006). *Modul pembangunan kemahiran insaniah (soft skills) untuk institusi pengajian tinggi Malaysia*. Selangor: Universiti Putra Jaya.
- Maria, M. I. (2024). Graduan dituntut kuasai kemahiran insaniah. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2024/02/1215100/graduan-dituntut-kuasai-kemahiran-insaniah>
- Mohamad Basri Jamal, Khairul Gufran Kaspin, Norshahrul Marzuki Mohd Nor, Mazdi Marzuki, Muhammad Hasbi Abdul Rahman & Habibah @ Artini Ramlie. (2021). Keberkesanan pendidikan kesukarelawanan dalam kalangan pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) ke arah memperkasakan nilai-nilai insaniah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6(39), 208-222
- Mohamed Fadzil Che Din (2008). *Sukarelawan*. Kuala Lumpur Institut Sosial Malaysia.
- Mohd Hasril Amiruddin, Isma Atiqah Ngadiran, Fathin Liyana Zainudin, Norhayati Ngadiman (2016). Tahap kemahiran generik pelajar Malaysia dalam proses pengajaran dan pembelajaran: Kajian

- kes pelajar Institut Kemahiran Mara, Johor Baharu. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*, 12(3), 111-121.
- Normah Awang Noh, Kamal Mohd Yusoff, & Fazil Ahmad. (2018). Contributions Of Volunteering University's Student to National Economy. *International Journal of Asian Sosial Science*, 7 (12), 971-976.
- Norsela A. Manaf, Intan Rahimah Ahmad, Nurul Ilyana Baharudin. (2021). Hubungan antara kemahiran generik dengan aktiviti sukarelawan dalam kalangan pelajar. *Jurnal Kejuruteraan, Teknologi dan Sains Sosial*, 7(2), 1-12
- Rosmah Ahmad, & Noremy Md. Akhir, (2021) Cabaran sukarelawan penjagaan kesihatan mendepani pandemik COVID-19 di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (6) 46-58
- Shahrom Md Zain, Muhammad Imran Mohd Junaidi & Noor Ezlin Ahmad Basri. (2015). Sukarelawan Alam Sekitar: Penerimaan dan Kefahaman Pelajar. *Jurnal Personalita Pelajar*, 18(2).
- Siti Nathrah Che Fazilah & Fuziah Shaffiie. (2020). Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Motivasi Sukarelawan dalam menjalankan Aktiviti Kesukarelawanan: Satu Kajian Literatur. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23, 25-38. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.2>
- Siti Raba'Ah Hamzah, Turiman Suandi, Ismi Arif Ismail & Azimi Hamzah. (2014). Kepercayaan, motivasi, dan niat sukarelawan belia terhadap aktiviti sukarela di Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 10.
- Solihah Yahya Zikri, Khalid Ismail, Abdul Salam Zulkifli, Nadiyah Hashim & Noor Azura Zainuddin. (2022). Penglibatan belia dalam aktiviti kesukarelawan di Malaysia: Sumbangan dan peranan. *Proceedings Science, Ethics & Civilization*, 1, 30-36.
- Syed Lamsah Syed Chear, Mohd Zamri Yasin, Fazlina Ismail, Intan Shafiqah Shaidan & Muhammad Khairul Annuar Abd Ajis (2021). Peranan dan tanggungjawab masyarakat terhadap rumah kebajikan kanak-kanak. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly and Disabled*, 14.